



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	25/9/2019	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Gajah berenang di Tasik Kenyir



Rakaman gajah berenang (dalam bulatan) berhampiran Gua Bewah, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu yang tular di media sosial sejak Sabtu lalu.



Mohd Suwardi menunjukkan gajah yang ditemuinya ketika mengikuti aktiviti memancing di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu baru-baru ini.

Video gajah berenang yang dirakam pemancing tular di media sosial

NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Pemilik akaun Facebook Suwardi Azmi tidak menyangka video yang memaparkan aksi gajah dewasa berenang berhampiran Gua Bewah, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu yang dimuat naik pada 21 September lalu menjadi tular.

Mohd Suwardi Muhammad Azmi, 27, berkata, vi-

deo haiwan yang dianggarkan lebih besar daripada saiz kereta Perodua Kancil itu dirakam ketika dia menyertai aktiviti memancing selama dua hari berhampiran gua tersebut baru-baru ini.

Menurutnya, berdasarkan maklum balas diterima, ramai yang mengatakan itu kali pertama mereka melihat aksi gajah berenang, malah ada juga mengakui baru tahu mamalia tersebut mampu berenang walaupun memiliki saiz badan yang besar.

"Sejak aktif memancing pada 2004, ini kali keempat saya terserempak gajah berenang. Kebetulan waktu itu rakan saya, Mohd Sukrillah yang merupakan pemandu *boathouse* yang kami naiki sempat merakam aksi haiwan tersebut.

"Sebelum ini ada yang tidak percaya apabila saya cerita pernah terserempak gajah berenang. Jadi saya ambil keputusan muat naik video yang dirakam itu di media sosial," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Ditanya perasaannya ketika terserempak dengan gajah tersebut, Mohd Suwardi berkata, dia teruja dan gembira kerana berpeluang melihat kebolehan haiwan berkenaan.

Menurutnya, selain gajah, ramai kaki pancing pernah terserempak dengan haiwan lain yang juga pandai berenang seperti harimau, babi, beruk, kera, kambing hutan, kancil, kijang dan rusa.

"Mungkin waktu terse-

rempek dengan haiwan tersebut, ada yang sempat rakam dan ada yang tak sempat rakam sebab kita tidak boleh jangka bila," katanya yang bertugas sebagai Pembantu Pegawai Perubatan di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di sini.

Sementara itu, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu berkata, kebanyakan gajah secara semula jadi pandai berenang dan akan melalui laluan sama sepanjang hayatnya.

"Memandangkan kawasan Tasik Kenyir ialah tasik buatan dan kawasan hutan rimba sebelum ini, mungkin laluan yang dilalui itu adalah laluan yang biasa dilalui gajah tersebut sebelum ini," katanya.